

## PERBELANJAAN SPU BAGI TAHUN 2010-2011

Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah sekali lagi mengorak langkah ke hadapan dengan mengadakan bengkel yang pertama dalam tahun 2009 berkenaan dengan cadangan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2010-2011. Bengkel yang diadakan pada 22 Januari 2009 bertempat di Hotel Hyatt, Kota Kinabalu membincangkan perbelanjaan program-program yang ditawarkan dan akan ditawarkan serta perbelanjaan operasi bagi bangunan baru yang dijangkakan akan siap pada Jun 2011. Bengkel tersebut diketuai oleh Prof Dr Osman Ali, dekan SPU, dihadiri oleh timbalan-timbalan dekan, semua professor dan ketua-ketua jabatan sebagai ahli-ahli bengkel tersebut. Penyediaan dokumen cadangan mengurus perbelanjaan SPU bagi tahun 2010-2011 telah dilaksanakan dengan jayanya oleh semua ahli yang hadir.

